

Ruj. : AKKM : 2/5/25 Jld. 1 (11)
Tarikh : 16 Januari 2024

Pengerusi Koperasi Anggota ANGKASA Negeri Pahang III (Barat)

Pengerusi dan Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang III (Barat)

Perwakilan Negeri ke MAPA 2024

YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan,

**NOTIS PENCALONAN DAN HARI PENAMAAN CALON MESYUARAT AGUNG NEGERI
(MAN 2024) PAHANG III (BARAT)**

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa berdasarkan Undang-Undang Kecil (UUK) ANGKASA 45(1), 48(3) dan UUK 26A (9) pencalonan bagi jawatan yang perlu dipilih adalah seperti berikut:-

BIL.	JAWATAN
i.	Seorang (1) Pengerusi Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
ii.	Sebelas (11) orang Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri
iii.	Dua (2) orang calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA Ke-38 (MAPA 2024)

3. Bagi tujuan pencalonan berdasarkan [UUK 49(1)] pemilihan calon Seorang (1) Pengerusi, Sebelas (11) orang Anggota Jawatankuasa Perhubungan ANGKASA Negeri (JPAN), terbuka kepada perwakilan koperasi. Manakala pemilihan calon Jawatankuasa Menentusahkan Draf Minit MAPA Ke-38 ianya terbuka kepada Perwakilan Negeri (2023 dan 2024). **Syarat Pencalonan Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) Pahang III (Barat), Borang 1A, Borang 1B dan Borang 1C seperti edaran pemberitahuan MAN 2024.**

4. Calon bagi jawatan yang ditandingi dalam **Mesyuarat Agung Negeri (MAN 2024) Pahang III (Barat)** hendaklah hadir bersama pencadang dan penyokong bagi menyerahkan Borang Pencalonan serta dokumen lengkap **pada Hari Penamaan Calon seperti ketetapan berikut :**

Tarikh : 1 Februari 2024 (Khamis)
Masa : 9.00 pagi sehingga 3.00 petang
Tempat : Pejabat Perhubungan ANGKASA Negeri Pahang III (Barat)
P20, Tingkat 1, Bangunan ANGKASA
Taman Bentong Prima
28700 Bentong, Pahang



5. Calon bagi jawatan yang ditandingi juga bertanggungjawab menguruskan sendiri segala urusan pencalonannya dan hendaklah memastikan borang pencalonan dan dokumen yang ditetapkan oleh Lembaga ANGKASA adalah tepat, teratur dan sempurna.

6. Sebarang pertanyaan, sila hubungi Pn. Nurul Ashikin Mohd Jais, Pengurus ANGKASA Negeri Pahang III (Barat) di talian 09-223 4062 / 5062 dan email: jpn_pahang3@angkasa.coop atau En. Mohd. Hishamizan Yahya (03-7454 8255) / En. Azman Ahamad (03-7884 6453) / Pn. Irwani Abd. Malik (03-7800 7884) di Bahagian Sekretariat, Kumpulan Tadbir Urus dan Pentadbiran atau email: mesyuaratagung.angkasa@gmail.com.

Kerjasama dan sokongan YBhg. Tan Sri / Datuk Seri / Dato' / Datuk / Dr. / Tuan / Puan didahului dengan ucapan terima kasih.

“SADIK, AMANAH, TELUS”

Yang benar,



HAJI HASNAN HAJI MUSTAPHA
Setiausaha Eksekutif

s.k. : Pengarah Bahagian Penyeliaan dan Tadbir Urus
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

: Pengarah
Suruhanjaya Koperasi Malaysia Negeri

: Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan
ANGKASA